

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 27/09/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 10

Tajuk : Koperasi kuasa ekonomi baharu

## Koperasi kuasa ekonomi baharu

**KUALA LUMPUR 26**

**Sept.** - Sudah tiba masa kerajaan menyediakan peruntukan khusus kepada gerakan koperasi bagi memaksimumkan keupayaannya.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, koperasi yang kini mempunyai enam juta ahli memiliki potensi besar menjadi kuasa baharu ekonomi negara.

Ujarnya, masalah kini adalah peruntukan yang disediakan kecil dan tidak mencukupi.

"Jadi kita harap pada bajet kali ini kerajaan buat perubahan besar kepada gerakan koperasi, kita pernah minta dan sokong bajet sebanyak RM300 juta," katanya dalam sidang akhbar selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Angkasa dan Koperasi Barisan Usahawan Berhad (Kobaris), di sini hari ini.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA